

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	05 MAY 2017

Lima kluster pembangunan terancang

➔ Projek seluas 153,000 hektar babitkan pelaburan RM290 bilion

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

Putrajaya

Pembangunan Lembah Wawasan Malaysia (MVV) merangkumi kawasan seluas 153,000 hektar dijangka mampu menarik peluang pelaburan lebih RM290 bilion dan mewujudkan 1.38 juta peluang kerja, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, pembangunan meliputi daerah Seremban dan Port Dickson di Negeri Sembilan yang dibahagikan kepada lima kluster itu adalah pembangunan terancang secara berfasa sehingga 2045 dan akan menjadi sebahagian Greater Kuala Lumpur di bawah Zon Potensi Pembangunan dalam Rancangan Fiskal Negara.

Ita termasuk kluster Pusat Daerah Perniagaan, Bandar Alam, Lembah Teknologi Pendidikan, Pelancongan dan Kesejahteraan serta Perbandaran Kehidupan Baru.

Rumah mampu milik

"MVV juga akan menyediakan rumah mampu milik membabit kawasan seluas kira-kira 405 hektar

selain turut menyediakan kawasan bagi kemudahan awam dan rekreasi dengan kawasan hijau melebihi 405 hektar.

"Ia juga akan mempunyai hab pengangkutan bersepadu yang berteraskan perkhidmatan kereta api berkelajuan tinggi (HSR) di Labu, Negeri Sembilan, yang akan menghubungkan MVV dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Bandar Malaysia dan Singapura.

"Dalam pelan pelaksanaan awal di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), RM560 juta diluluskan bagi pembangunan sistem perhubungan jalan raya di kawasan MVV," katanya berucap pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) membabitkan tiga syarikat untuk menerajui pembangunan di MVV, di sini semalam.

Pada majlis itu, Sime Darby Property Berhad (Sime Darby) diwakili Pengarah Urusannya, Datuk Jahari Hamidi; Brunfield Development Sdn Bhd (Brunfield) oleh Pengarah Urusannya, Tan Sri Gan Thian Leong manakala Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Wan Kamaruzaman Wan Ahmad.

Acara berkenaan disaksikan oleh Najib, yang juga Menteri Kewangan dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Di bawah MoU itu, Sime Darby, Brunfield dan KWAP akan meneroka pembangunan fasa pertama membabitkan kawasan seluar 11,000 hektar, sebagai syarikat pe-

LEMBAH WAWASAN MALAYSIA



maju utama MVV yang dikenali sebagai Malaysia Vision Valley Holdings Sdn Bhd.

Usaha sama pihak awam, swasta
Najib berkata, pembangunan MVV akan dilaksanakan menerusi usaha sama pintar pihak awam dan swasta dengan memberi tumpuan

kepada empat pembangunan utama iaitu berteraskan pembuatan berteknologi tinggi, pelancongan dan kesihatan, pendidikan dan penyelidikan berasaskan kemahiran serta pengkhususan perkhidmatan.

Katanya, pembangunan MVV dalam tempoh 30 tahun itu mem-

babitkan lapan projek utama yang dikenali sebagai projek nadi iaitu Kampus Taman & Perindustrian Berteknologi Tinggi, Daerah Pengangkutan Bersepadu, Bandar Sukan & Rekreasi, Bandar Pengetahuan Global, Bandar Biopolis & Kesejahteraan serta Daerah Pelancongan.

BH-5/5/2017